



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[STUDENT CAREER MATURE: THE IMPLICATIONS
OF CAREER COUNSELING]**

**KEMATANGAN KERJAYA PELAJAR: IMPLIKASINYA TERHADAP
KAUNSELING KERJAYA**

MOHD SANI ISMAIL¹
ABDUL HAKIM ABDULLAH^{1*}
AMAN DAIMA MD ZAIN¹
MOHD HASRUL SHUHARI¹
MOHD RAHIM ARIFFIN¹

¹Fakulti Pengajian Islam Kontemporari Islam, Kampus Gong Badak
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

*Corresponding author: hakimabd@unisza.edu.my

Received Date: 9 Mei 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

The research aims to measure secondary school students career maturity level. The research also attempts to find out whether those variables are related to other variables such as gender and educational stream. A total of 1060 respondents from 106 regular daily national secondary schools in Terengganu have been identified as research sample and they are selected through systematic random sampling process. This survey type of research uses a set of questionnaire and interview protocol. The questionnaire comprised three sub scales: (i) Personal information and student involvement in career guidance and counseling programme, (ii) Career Maturity Inventory. The alpha value for career maturity is 0.92. Data had been analyzed using descriptive analysis i.e. frequency, percentage, t-Test, mean, and standard deviation. Besides, inferential analysis such as ANOVA and linear regression is also applied to test research hypothesis. The result indicates that in general career maturity among the students ranking from low to medium level. It has also found that students' career maturity are significantly different based on gender and educational stream. However, there is no significant difference between the students' career maturity based on race. The report concludes although career guidance and counseling programme activity plays important role in the development of the two variable. The findings have important implications for development of career guidance and counseling programme in schools.

Keywords: *Career Maturity, Career Guidance, Career Counseling Programme.*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kematangan kerjaya pelajar-pelajar sekolah menengah. Kajian ini juga meninjau sama ada kedua-dua pemboleh ubah tersebut dapat dikaitkan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain seperti jantina dan aliran atau jurusan pengajian.

Sampel kajian terdiri daripada 1060 orang pelajar yang dipilih dengan kaedah pensampelan rawak bersistematik daripada 106 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa di negeri Terengganu. Kajian yang dijalankan secara tinjauan ini menggunakan soal selidik. Soal selidik yang digunakan untuk memungut data mempunyai dua skala kecil iaitu; (i) Maklumat dan biodata diri dan (ii) Inventori kematangan kerjaya, yang telah diuji dan didapati mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai alpha bagi kematangan kerjaya ialah 0.92. Data yang dipungut telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawai bagi menjawab soalan kajian, manakala analisis inferensi seperti Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian mendapati bahawa secara umumnya tahap kematangan kerjaya pelajar berada pada tahap rendah dan sederhana. Bagaimanapun, kematangan kerjaya pelajar didapati berbeza secara signifikan berdasarkan jantina, dan aliran atau jurusan pengajian. Kesimpulannya, tahap kematangan kerjaya pelajar turut dipengaruhi oleh faktor jantina, aliran atau jurusan pengajian. Justeru, sebarang aktiviti program bimbingan dan kaunseling kerjaya perlulah mengambil kira faktor-faktor pemboleh ubah tersebut.

Kata kunci: Kematangan Kerjaya, Bimbingan Kerjaya, Program Kaunseling Kerjaya.

Cite as: Mohd Sani Ismail, Abdul Hakim Abdullah, Aman Daima Md Zain, Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Rahim Ariffin. 2018. Kematangan Kerjaya Pelajar: Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 42-51

PENGENALAN

Pemilihan kerjaya yang tepat dan sesuai dengan cita rasa individu adalah penting dalam menjamin kesejahteraan diri. Usaha membantu setiap individu bagi mengenali diri dan mendapatkan kesedaran tentang kerjaya serta peluang-peluang yang ada sebelum membuat pemilihan kerjaya perlulah dipergiatkan. Untuk itu, perancangan yang teliti amat penting khususnya pada peringkat usia 15 tahun hingga 18 tahun, kerana pada usia inilah para pelajar berada pada tahap penerokaan kerjaya (Super, 2001). Justeru itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu memainkan perkhidmatan yang penting untuk membantu para pelajar meningkatkan kematangan kerjaya.

Pemilihan kerjaya yang sesuai telah menjadi masalah yang utama dalam kalangan pelajar-pelajar menengah atas, terutamanya yang berada di tingkatan empat yang kurang mendapat pendedahan kerjaya dan maklumat pekerjaan (Sidek, 2002). Kebanyakan pelajar masih kabur untuk membuat pemilihan dunia pekerjaan yang ingin diceburi (Mohamad Hashim & Sharifah Amnah, 2006). Rata-rata dalam kalangan pelajar hari ini akan membuat pemilihan kerjaya berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh keluarga, rakan sebaya, dan pihak-pihak yang menaja pengajian mereka (Mohamad Hashim & Sharifah Amnah, 2006). Sebahagian besar daripada para pelajar tidak akan mendapat sebarang bimbingan langsung jika perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya ini tidak dilaksanakan secara serius, formal dan berkesan (Suradi, 2005).

Selain isu kurang memiliki maklumat kerjaya dan pengetahuan tentang sumber maklumat, isu lain yang berkaitan seperti maklumat yang bertaburan, maklumat yang tidak lengkap, lapuk, dan sukar diperolehi juga menjadikan satu masalah kepada pelajar, pencari kerja dan para kaunselor vokasional (Amla, Zuria & Salleh, 2007). Isu-isu tersebut adalah

cabaran besar bagi perkembangan kerjaya terutama dalam kalangan pelajar. Mereka perlu membuat keputusan berkaitan kerjaya lebih awal supaya mereka mempunyai masa yang cukup untuk membuat pilihan yang bijak (Amla, 2010). Justeru, kesedaran terhadap pekerjaan wajar dibina di peringkat usia persekolahan menengah lagi (Mohd Yahya, 2006).

Di sekolah, guru-guru dan kaunselor boleh membantu pelajar-pelajar dalam memberi bimbingan dan kaunseling kerjaya, khidmat nasihat tentang kursus-kursus yang boleh diikuti di universiti dan institusi pengajian tinggi berdasarkan kecemerlangan serta minat pelajar. Berbincang dengan mereka, membimbing pelajar dalam pemilihan kursus yang betul, sebelum diterima masuk ke universiti atau kolej. Namun, peluang seumpama ini jarang digunakan oleh para pelajar dan ini merugikan pelajar (Mohd Yahya & Muhammad Haizuan, 2006).

KEMATANGAN KERJAYA

Super (1979), mendefinisikan kematangan kerjaya sebagai persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam bidang pekerjaan termasuk sikap memilih kerjaya. Persediaan yang dimaksudkan berkait dengan tahap perkembangan kerjaya seseorang. Model perkembangan kerjaya Super mengandaikan pada setiap tahap perkembangan terdapat tingkah laku kerjaya yang wajar. Dengan yang demikian, kematangan kerjaya dirujuk sebagai keselarasan antara tingkah laku kerjaya individu dengan tingkah laku kerjaya yang dijangkakan bagi tahap sesuatu umur. Semakin hampir kesesuaian antara tingkah laku yang dijangkakan atau dirasakan maka semakin matang lah seseorang itu dari segi perkembangan kerjayanya. Tahap kematangan kerjaya seseorang itu boleh ditentukan dengan membuat perbandingan perkembangan kerjaya individu itu dengan orang lain yang berada dalam lingkungan umur yang sama (Rohany Nasir, 2005).

Kematangan kerjaya dikatakan boleh berubah-ubah mengikut masa, dan seseorang matang kerjaya menunjukkan ciri-ciri berkebolehan, berilmu pengetahuan, memiliki kecekapan, berkemahiran, senang menyesuaikan diri, mempunyai semangat tinggi, dan lebih berjaya dalam kerjayanya. Ia juga dikatakan mempunyai kaitan dengan keupayaan membuat pilihan yang realistik dan keupayaan melakukan penyesuaian antara konsep sendiri dengan pekerjaan (Super, 1980).

Berdasarkan model yang dikemukakan oleh Super, pelajar tingkatan dua berada di peringkat akhir pertumbuhan, pelajar di tingkatan empat berada di peringkat tentatif, manakala pelajar di tingkatan enam rendah berada di peringkat peralihan. Di akhir peringkat pertumbuhan, kebolehan-kebolehan individu dikaitkan dengan kelayakan-kelayakan untuk sesuatu pekerjaan. Pada awal peringkat tentatif pula, keperluan minat, kebolehan, nilai dan peluang adalah dipertimbangkan dalam proses membuat pemilihan kerjaya. Super (1981), mengatakan bahawa pada peringkat ini juga individu mula meneroka diri mereka sendiri dan mulai mengenali dunia pekerjaan.

Kematangan Kerjaya berdasarkan Faktor.

Dalam kajian-kajian lepas, terdapat beberapa pemboleh ubah yang dapat dikaitkan dengan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar. Pemboleh ubah yang sering dikaji ialah jantina, aliran atau jurusan pengajian, pencapaian akademik dan status sosioekonomi keluarga.

Faktor Jantina

Kematangan Kerjaya berdasarkan Faktor.

Dalam kajian-kajian lepas, terdapat beberapa pemboleh ubah yang dapat dikaitkan dengan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar. Pemboleh ubah yang sering dikaji ialah jantina, aliran atau jurusan pengajian, pencapaian akademik dan status sosioekonomi keluarga.

Faktor Jantina

Data yang mengaitkan jantina dengan kematangan kerjaya didapati bercampur-campur. Ada kajian-kajian mendapati pelajar perempuan mempunyai kematangan kerjaya yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki (Wu, 2000; Mohd, 2001; Chan, 2001; Clara, 2002; Rohany, 2002; Mohd Khairul, 2003; Noraini, 2003; Patton et al., 2003 dan Walker, 2010). Tidak kurang juga kajian yang mendapati kedua-dua jantina lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan (Raman, 2000; Lee Ki-Hak, 2001; Talib, 2001; Ng Soon Chin, 2003 dan Jait Mukhlisin, 2004). Terdapat juga kajian lepas yang menyatakan pelajar lelaki mempunyai kematangan kerjaya yang lebih tinggi daripada perempuan, Guan, 2004; Chan, 2004; Rohany et al., 2005 dan Chai, 2006).

Faktor Aliran dan Jurusan Pengajian

Dalam konteks perkembangan kerjaya aliran pengajian dikirakan satu bentuk persekitaran yang turut mengesani perkembangan kematangan seseorang. Persekitaran fizikal, psikologi dan sosial setiap aliran pengajian adalah berbeza dan ini diandaikan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seseorang terhadap kematangan kerjaya. Berdasarkan kajian lepas mendapati bahawa terdapat kajian yang menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan dari segi tahap kematangan kerjaya pelajar berdasarkan faktor aliran atau jurusan pengajian, seperti kajian yang telah dilakukan oleh Lee Har Bee (2000); Muhamad Salleh (2000); Kornspan & Etzel (2001); Clara Ambros Andrew (2002); Lent, Brown & Hackett (2002); Noraini (2003); Creed & Patton (2003) Guan Teik Ee (2004); Creed, Patton & Prideaux (2006); Lee, Ching May Mimi. (2007) dan Walker, Quiteya Dawn (2010). Manakala, kajian-kajian yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kematangan kerjaya dengan faktor aliran atau jurusan pengajian adalah seperti kajian yang telah dilakukan oleh Wu (2000); Chan (2000); Watson, Quatman & Edler (2002); Ng Soon Chin (2003); Othman (2004) dan Jait Mukhlisin (2004).

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk memungut data. Sampel kajian ini terdiri daripada 1060 orang pelajar Tingkatan 4 di 106 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa di Negeri Terengganu. Bilangan pelajar mengikut jantina adalah sepertimana berikut, iaitu seramai 530 orang adalah pelajar lelaki dan 530 pelajar perempuan.

PEMBOLEH UBAH

Pemboleh ubah bersandar untuk kajian ini ialah kematangan kerjaya. Manakala, pemboleh ubah tidak bersandar atau pemboleh ubah bebas pula ialah jantina subjek, aliran atau jurusan pengajian subjek, pencapaian akademik subjek dan status sosio-ekonomi keluarga subjek. Pemboleh ubah- pemboleh ubah ini dipilih adalah berdasarkan pertimbangan-pertimbangan yang telah dilakukan ke atas tinjauan kajian-kajian yang lepas.

INSTRUMEN

Bagi tujuan mendapatkan data maklumat kajian ini, instrumen soal selidik kajian boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu;

Bahagian A: Soal Selidik Maklumat Diri.

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri responden. Ia dibentuk oleh pengkaji sendiri dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang subjek kajian. Antara item-item yang terkandung dalam Bahagian A ialah jantina, bangsa, aliran atau jurusan, tingkatan, nama sekolah, daerah, pencapaian akademik peperiksaan pertengahan tahun, pendapatan keluarga dan tentang penglibatan pelajar dalam program bimbingan dan kaunseling kerjaya iaitu ceramah, bimbingan, tayangan, pameran dan lawatan kerjaya. Butir-butir ini digunakan sebagai faktor-faktor dalam hipotesis yang diuji.

Bahagian B: Inventori Kematangan Kerjaya – Semakan oleh John Or Crites dan Savickas (1995) - Career Maturity Inventory-Revised (CMI-R).

Bahagian B ini adalah soal selidik yang menggunakan Inventori Kematangan Kerjaya – Semakan (1995) atau Career Maturity Inventory – Resived 1995 yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Tujuan instrumen ini adalah untuk mengumpul data mengenai sikap dan kecekapan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat di 106 buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa di Negeri Terengganu. Skala sikap dan skala kecekapan dapat mengukur kesediaan individu untuk memasuki aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kerjaya tertentu dan juga dapat memperoleh maklumat mengenai perasaan, reaksi subjektif, kemahiran, kecenderungan seseorang individu semasa membuat sesuatu pilihan kerjaya ketika hendak memasuki alam pekerjaan. Skala sikap dan skala kecekapan juga bertujuan untuk mengukur kematangan individu dengan merujuk kepada sikap dan kebolehan kemahiran dalam membuat keputusan kerjaya (Crites 1995 dan Rohany Nasir 2009). Terdapat lima dimensi yang dititikberatkan dalam sub skala sikap dan sub skala kecekapan Inventori Kematangan Kerjaya. Sub skala sikap kematangan kerjaya adalah merujuk kepada: (1) Ketentuan dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya; (2) Penglibatan dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya; (3) Kebebasan dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya; (4) Orientasi dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya; (5) Kompromi dalam membuat pemilihan keputusan kerjaya.

Manakala, sub skala kecekapan kematangan kerjaya adalah dicipta untuk mengukur sebanyak mana maklumat tertentu yang dimiliki oleh individu berhubung dengan kerjaya dan

sebanyak mana kemahiran merancang yang diperlukan untuk membuat keputusan kerjaya. Sub skala kecekapan merujuk kepada: (1) Mengenal diri sendiri; (2) Maklumat pekerjaan; (3) Pemilihan matlamat / pekerjaan; (4) Rancangan kerjaya dan (5) Penyelesaian masalah kerjaya. Bilangan item bagi sub skala sikap adalah 25 item, begitu juga dengan bilangan item sub skala kecekapan adalah 25 item juga. Jumlah keseluruhan item kematangan kerjaya adalah 50 item. Pemarkahan alat ukuran CMI-R ini menggunakan Skala Turnstone di mana setiap soalan yang dikemukakan mempunyai dua dimensi, iaitu sama ada ‘Setuju / Tepat’ atau ‘Tidak Setuju / Tidak Tepat’. Skala Turnstone telah dibina oleh ahli psikologi Louis Turnstone (1928) yang mempercayai bahawa manusia boleh membuat pertimbangan-pertimbangan dan penilaian-penilaian secara psikologi ke atas diri mereka sendiri, iaitu apabila seseorang itu diberi dua pernyataan yang berbeza, dia mampu membuat pemilihan pernyataan yang mana lebih dipersetujuinya (Chua, 2006). Inventori Kematangan Kerjaya telah melalui proses kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan dan ketekalan instrumen, yang melibatkan 120 orang pelajar tingkatan 4. Pekali kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) instrumen soal selidik kematangan kerjaya untuk skala sikap ialah 0.92 dan skala kecekapan ialah .91.

ANALISIS DATA

Data kajian ini diproses menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS). Ujian-ujian statistik yang digunakan ialah Ujian-t untuk melihat perbezaan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina dan aliran atau jurusan pengajian. Manakala, analisis ANOVA iaitu varian digunakan untuk melihat perbezaan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar yang berlainan pencapaian akademik dan berlainan status sosio-ekonomi keluarga. Aras kesignifikanan ujian ditetapkan adalah pada tahap ($P < 0.05$).

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1, menunjukkan keputusan keseluruhan perbezaan berkaitan dengan kematangan kerjaya berdasarkan faktor jantina, aliran atau jurusan pengajian, pencapaian akademik dan status sosioekonomi keluarga.

Jadual 1: Perbezaan Kematangan Kerjaya mengikut jantina, aliran atau jurusan pengajian, pencapaian akademik dan status sosio-ekonomi keluarga (N= 1060).

Faktor	Agihan	Bilangan Sampel	Min	Signifikan
Jantina	Lelaki	530	72.5	.000
	Perempuan	530	86.1	
Aliran atau Jurusan Pengajian	Sains	530	81.0	.000
	Bukan Sains	530	77.6	

Kematangan kerjaya berdasarkan faktor jantina.

Ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan daripada segi kematangan kerjaya berdasarkan jantina pelajar. Skor min kematangan kerjaya bagi kumpulan pelajar lelaki adalah

($n=530$, $\min=72.5$) iaitu lebih rendah berbanding dengan skor min kematangan kerjaya bagi kumpulan pelajar perempuan adalah ($n=530$, $\min=86.1$) dan aras kesignifikannya .000

Kematangan kerjaya berdasarkan faktor aliran atau jurusan pengajian.

Ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kematangan kerjaya berdasarkan aliran atau jurusan pengajian pelajar. Skor min kematangan kerjaya bagi kumpulan pelajar aliran sains adalah ($n=530$, $\min=81.0$) iaitu lebih tinggi berbanding dengan skor min kematangan kerjaya bagi kumpulan pelajar aliran bukan sains iaitu ($n=530$, $\min=77.6$) dan aras kesignifikannya .000

PERBINCANGAN

Analisis data kematangan kerjaya yang dijalankan menunjukkan ciri-ciri yang menyamai beberapa kajian lalu. Analisis mengikut faktor jantina didapati menyokong hasil analisis dapatan kajian lepas yang telah dilakukan oleh Wu (2000); Mohd Supian (2001); Chan (2001); Clara (2002); Rohany (2002); Mohd Khairul (2003); Noraini (2003); dan Patton et al. (2003) dan Walker (2010) yang mana terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina. Pelajar perempuan didapati memiliki tahap kematangan kerjaya yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menyatakan pelajar lelaki mempunyai kematangan kerjaya yang lebih tinggi berbanding perempuan iaitu kajian yang telah dilakukan oleh Guan (2004); Chan (2004); Rohany et al (2005) dan Chai (2006).

Hasil analisis dapatan yang berkaitan dengan faktor aliran atau jurusan pengajian, menunjukkan bahawa, dapatan kajian ini menyokong hasil dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Lee (2000); Muhamad Salleh (2000); Kornspan & Etzel (2001); Clara (2002); Lent et al. (2002); Noraini (2003); Creed & Patton (2003) Guan (2004); Creed et al. (2006); Lee, Ching May Mimi. (2007) dan Walker (2010). Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kematangan kerjaya berdasarkan faktor aliran atau jurusan pengajian. Pelajar yang belajar di aliran sains tulen mempunyai tahap kematangan kerjaya yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar yang sedang belajar di aliran atau jurusan yang bukan sains.

PENUTUP

Data dari kajian ini memberi beberapa implikasi ke atas teori dan amalan bimbingan dan kaunseling kerjaya terutamanya di sekolah-sekolah menengah. Pertama, dapatan yang menunjukkan pelajar perempuan mempunyai tahap kematangan kerjaya yang lebih tinggi menambah data mengenai ciri pelajar perempuan yang dibuktikan lebih berorientasikan akademik, lebih berjaya dalam akademik, lebih fokus dan mempunyai lokus kawalan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Kedua, program-program pembangunan kesedaran kerjaya dan program kerjaya yang lain perlu mempunyai strategi yang dapat memberi impak yang tinggi ke atas sasaran yang berlainan latar belakang jantina dan aliran pengajian pelajar.

Oleh kerana pelajar perempuan pelajar daripada aliran sains, mereka yang berprestasi tinggi, didapati mempunyai tahap kematangan kerjaya yang lebih tinggi

berbanding kumpulan lain. Maka, semua program bimbingan dan kaunseling kerjaya perlu mempertimbangkan dan membezakan sasaran-sasaran tersebut. Mereka yang mempunyai tahap kematangan kerjaya yang tinggi mungkin perlukan program sokongan pengkayaan untuk terus memperkembangkan lagi tahap kematangan kerjaya, sementara mereka yang mempunyai kematangan kerjaya yang rendah perlukan program-program intervensi kerjaya, kesedaran kerjaya, pemulihan dan program pembangunan, selain program-program sokongan yang melibatkan sekolah secara menyeluruh dan juga ibu bapa serta keluarga. Justeru itu, para kaunselor perlu bersikap sensitif terhadap ciri-ciri pelajar sewaktu membuat perancangan program-program bimbingan dan kaunseling kerjaya. Program-program yang melibat guru-guru juga perlu dibangunkan mengikut keperluan semasa.

RUJUKAN

- Amla, Zuria & Salleh. 2007. *Bimbingan dan kaunseling sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amla Mohd. Salleh. 2010. *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Siri Syarahan Perdana UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chan, Chin Chien. 2000. *Hubungan konsep sendiri dan pengaruh ibu bapa terhadap kematangan kerjaya*. Latihan ilmiah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chan, Shiau Ken. 2001. Sikap kematangan kerjaya di kalangan remaja di sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah swasta. Latihan ilmiah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chan, Chau Yong. 2004. Perbandingan sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah swasta. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chai, Pei Ling. 2006. Hubungan konsep sendiri dan kematangan kerjaya di kalangan orang kurang upaya pusat latihan perindustrian dan pemulihan, Bangi. Latihan ilmiah ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Clara, Ambros Andrews. 2002. Kesedaran kerjaya di kalangan pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Creed, P.A. & Patton, W. 2003. Predicting two components of career maturity in school based adolescents. *Journal of Career Development*, 29 (4): 277-290.
- Creed, P., Patton, W., & Prideaux, L.A. 2006. Causal Relationship Between Career Indecision and Career Decision-Making Self Efficacy. *Journal of Career Development*, 33(1) : 47-65.
- Crites, J.O. 1995. *Career maturity inventory sourcebook*. Monterey: McGraw-Hill / CTB
- Crites, J.O., & Savickas, M.L. 2002. *Career maturity inventory sourcebook*. Bridges. Com Inc.
- Guan Teik Ee. 2004. Kematangan kerjaya pelajar cina di sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan Negeri Perak. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Haji Haji Othman. 2004. Pemilihan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei, Darul Salam. Tesis sarjana, Fakulti Pendidikan,

- Universiti Malaya.
- Jait Mukhlisin Syuhadak. 2004. Hubungan antara kesedaran kerjaya dengan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Umum Indonesia Kuala Lumpur. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kornspan, A.S., & Etzel, E.F. 2001. The relationship of demographic and psychological variables to career maturity of junior college students-athletes. *Journal of College Students Development*, 42(2): 122-132.
- Lee, Ching May Mimi. 2007. Career maturity, career decision-making self-efficacy, interdependent self-construal, locus of control and gender role ideology of Chinese adolescents in Hong Kong. Doctoral Dissertation: Hong Kong Baptist University.
- Lee, Har Bee. 2000. Career indecision among Form 4 students and its relationship with academic achievement, gender, self esteem and academic streaming. Latihan ilmiah sarjana yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lee, Ki-Hak. 2001. A cross-cultural study of the career maturity of Korean and United States high school students. *Journal of Career Development*, 28(1): 43-57.
- Lent, R.W., Brown, S.D., & Hackett, G. 2002. Career development from a social cognitive perspective. Dalam D. Brown, L. Brooks, and Associates, *Career choice and development*, (Edisi Keempat), 255-311. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd. Khairul Ismail. 2003. Keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya kepada pelajar-pelajar tingkatan lima dalam pemilihan kerjaya. Latihan ilmiah ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai, Johor.
- Mohd. Supian Arshad. 2001. Kesedaran kerjaya di kalangan pelajar Tingkatan 2 di sebuah sekolah menengah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Mohd Yahya & Muhammad Haizuan. 2006. Akademik, kerjaya dan anda. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2006. Kerjaya pilihan abad ke 21. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohamad Hashim & Sharifah Amnah. 2006. Kepadanan personaliti individu, persekitaran kerja dan hubungan dengan kepuasan kerja. Kertas Kerja Seminar Unit Penasihat & Pembangunan Pelajar. Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Salleh Ahmad Fadzillah. 2000. Profail pemilihan kerjaya di kalangan pelajar matrikulasi di Universiti Utara Malaysia: Latihan ilmiah Ijazah Master Sains yang tidak diterbitkan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ng Soon Chin. 2003. Hubungan konsep dengan sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah. Latihan ilmiah Ijazah Master Sains Bimbingan & Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noraini Ismail. 2003. Kajian efikasi sendiri akademik dan pemerolehan nilai murni di kalangan pelajar tingkatan satu berdasarkan pencapaian akademik dan jantina. Latihan ilmiah ijazah sarjana sains psikologi pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Patton, W., Creed, P.A., & Muller, J. 2003. Career maturity and well-being as determinants of occupational status of recent school leavers: A brief report of an Australian study. *Journal of Adolescents Research*, 17 (4): 425-435.

- Raman Annamalai. 2000. Tahap kesedaran kerjaya pelajar India di dua buah sekolah menengah di Pelabuhan Klang. Latihan ilmiah ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohany Nasir. 2002. Tinjauan terhadap kajian kematangan kerjaya dikalangan orang Melayu. Laporan Penyelidikan di Seminar Persidangan Antarabangsa, Pengajian Melayu, Beijing-China. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1: 499-505.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani & Rozainee Khairuddin. 2005. Kematangan kerjaya di kalangan remaja sekolah menengah di dua buah sekolah di Selangor. Laporan Penyelidikan Fundamental, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohany Nasir. 2009. Kaunseling Kerjaya : Satu Anjakan daripada Konvensionalisme. Siri Syarahan Perdana UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 2002. Perkembangan kerjaya - teori & praktis. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang: Perkhidmatan Percetakan FPP.
- Super, D.E., & Kidd, J.M. 1979. Vocational maturity in adulthood: Toward turning a model into a measure. *Journal of Vocational Behavior*, 14: 255-270.
- Super, D.E. 1980. A life-span, life space approach to career development. *Journal of Vocational Behaviour*. 16: 282-298.
- Super, D. E. & J. A. Bowlsbey. 1981. *Guided careers exploration*. New York: Psychological Corporation.
- Super, D.E., Super, C.M., & Camenson, B. 2001. *Opportunities in psychology career*. Chicago, IL: VGM Career Books.
- Suradi Salim. 2005. Hala tuju penyelidikan kaunseling di Malaysia. *Jurnal PERKAMA* 11: 1-15
- Talib Md. Seh. 2001. Hubungan kematangan kerjaya dengan konsep sendiri pelajar-pelajar tingkatan lima: satu kajian kes. Latihan ilmiah ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Walker, Quiteya Dawn. 2010. *An investigation of the relationship between career maturity, career decision self-efficacy, and self-advocacy of college students with and without disabilities*. Doctoral Dissertation: University of Iowa.
- Watson, C.M., Quatman, T., & Edler, E. 2002. Career aspirations of adolescent girls: Effects of achievement level, grade, and single-sex school environment. *Sex Role: A Journal of Research*. Retrieved on March 2, 2004, from <http://www.findarticles.com/>.
- Wu, Wu-Tien. 2000. Vocational interest and career maturity of male high school students talented in Math and Science. *Proc. Natl. Sci. Council*. 10 (3), 137-143. Retrieved on March 2, 2004, from <http://nr.stic.gov.tw/ejournal/Proceeding D/v 10n3/137-143.pdf>.